


CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN GERAN PENJANAAN PATEN



GARIS PANDUAN GERAN PENJANAAN PATEN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penjanaan Paten (GPP) ini merupakan geran yang ditawarkan bagi membudayakan penghasilan produk/servis yang boleh dipatenkan.
- 1.2 GPP ini memberi peluang kepada pereka cipta dalam kalangan penyelidik UUM untuk membuat penyelidikan yang mengkhusus kepada penghasilan produk/servis yang boleh dipatenkan.
- 1.3 Perlindungan harta intelek untuk kategori paten ini merupakan hak eksklusif yang diberikan kepada suatu reka cipta dalam bentuk sama ada produk atau proses.
- 1.4 Ia adalah sesuatu yang baharu atau menjadi penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.
- 1.5 Oleh itu, adalah penting output penyelidikan dapat menghasilkan produk/servis yang boleh dipatenkan serta dikomersialkan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Objektif GPP ini ialah:
 - a. Selaras dengan keperluan Key Performance Indicator (KPI) Universiti untuk Teras 1 iaitu *T1S1K1L10: Number of new inventions filed for patents* dan *T1S1K1L11: Number of new inventions granted patents*.
 - b. Di samping itu, produk/servis yang didaftarkan (filed) dan diperolehi (granted) bagi memenuhi keperluan MyRA untuk seksyen E: Inovasi (bahagian 1a-1c).
 - c. Sebelum sesuatu produk/servis dipatenkan, penyelidikan perlu dilakukan bagi mencapai hasrat tersebut.
 - d. Penyelidikan yang akan dilakukan perlulah berupaya menyelesaikan masalah industri.
 - e. Ini bermakna penyelidik perlu mempunyai jaringan yang baik dengan industri bagi membantu menyelesaikan masalah industri tersebut.
 - f. Pada yang sama, industri berkenaan berhasrat untuk mengambil produk/servis untuk dikomersialkan.
 - g. Oleh itu, bagi meningkatkan bilangan paten yang difailkan, ICC bercadang menawarkan Geran Penjanaan Paten (GPP).

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Geran ini juga terbuka kepada semua bidang penyelidikan dengan output penyelidikan yang dihasilkan sama ada dalam bentuk produk/prototaip/sistem/servis yang boleh dipatenkan.
- 3.2 Geran ini terbuka kepada semua penyelidik UUM dengan syarat-syarat berikut:
 - a) Warganegara Malaysia.
 - b) Keutamaan diberikan kepada staf akademik bertaraf tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah).
 - c) Mempunyai jaringan yang rapat dengan pihak industri.
 - d) Produk yang dihasilkan mampu memenuhi syarat kebolehpatenan.
 - e) Produk yang dihasilkan berpotensi untuk dikomersialkan.

4.0 PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

Permohonan dibuka pada **8 Jun 2021 – 22 Jun 2021**.

5.0 PROSES PERMOHONAN GERAN

- 5.1 Permohonan perlu menggunakan borang yang telah disediakan oleh ICC.
- 5.2 Semua permohonan hendaklah dihantar kepada sekretariat di ICC.
- 5.3 Borang permohonan perlu dibentangkan di hadapan panel penilai yang terdiri daripada JK Inovasi dan Pengkomersialan Pusat Pengajian Pusat Pengajian dan disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian.
- 5.4 Semua permohonan perlu dibentangkan di hadapan JK Teknikal Inovasi dan Pengkomersialan di ICC berdasarkan kepada bidang penyelidikan yang sama/bersesuaian.

6.0 TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

Tempoh maksimum pelaksanaan projek adalah selama **tiga (3) bulan**.

7.0 SKOP PEMBIAYAAN

- 7.1 ICC hanya akan membiayai enam (6) penyelidikan setahun.
- 7.2 Pemohonan awal dan menepati syarat akan diutamakan.
- 7.3 Output penyelidikan mestilah boleh dipatenkan (difaillkan) dan memberi faedah kepada industri.

- 7.4 Penyelidikan yang dijalankan perlu mencapai standard yang bersesuaian.
- 7.5 Penyelidikan yang akan dijalankan perlu mempunyai kolaborasi dengan industri.
- 7.6 ICC akan mengenakan yuran pentadbiran sebanyak 3 peratus dan RIMC juga akan mengenakan yuran pentadbiran sebanyak 3 peratus daripada jumlah geran yang ditawarkan.
- 7.7 Pemohon perlu membuat bajet permohonan geran ini dengan mengambil kira kos pemfailan paten dan kos latihan untuk penyediaan *patent drafting*, *patent specifications* dan *patent claims*.

8.0 KUANTUM PEMBIAYAAN

Jumlah maksimum yang diperuntukkan bagi setiap projek adalah sebanyak **RM5000.00** dengan jumlah keseluruhan pembiayaan ialah **RM30,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja).

9.0 PERATURAN KEWANGAN

Semua penyelidikan mesti mengikut Peraturan Kewangan Universiti.

10.0 PENILAIAN PERMOHONAN GERAN

- 10.1 Penilaian geran akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Inovasi dan Pengkomersialan (JKTIP) yang terdiri daripada pensyarah yang bersesuaian dengan penyelidikan yang akan dijalankan.
- 10.2 JKTIP akan memperakukan keputusan permohonan dan akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Harta Intelek & Pengkomersialan (JKHIP) dan seterusnya diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI).
- 10.3 Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Perkara 3.0 dan Perkara 7.0.
- 10.4 Prosedur Permohonan Geran boleh dirujuk di Lampiran 1.

11.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 11.1 Surat kelulusan penyelidikan akan dimajukan kepada Ketua Projek dan salinan akan diberikan kepada ahli-ahli penyelidikan.
- 11.2 Pembayaran akan diberikan berdasarkan kepada tuntutan yang dikemukakan oleh Ketua Penyelidik dan ahli. Bayaran tuntutan adalah tertakluk kepada baki akhir geran penyelidikan tersebut.

- 11.3 Pemohon perlu mengikuti kursus berkaitan *Patent Drafting* untuk memudahkan penyelidik menyediakan *patent drafting* untuk permohonan paten di MyIPO.
- 11.4 Oleh itu, penyelidik perlu bijak membelanjakan peruntukan kewangan yang telah diberikan.

12.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 12.1 Pemantauan penyelidikan akan dilaksanakan oleh RIMC dan akan dimaklumkan kepada ICC sebarang perkembangan tentang penyelidikan yang dijalankan.
- 12.2 Pembelian aset adalah hak milik UUM dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 12.3 UUM berhak untuk menggantung atau menarik balik sokongan untuk penyelidikan yang telah berjaya mendapatkan peruntukan geran sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada perjanjian.

13.0 PERANAN PENYELIDIK

- 13.1 Memastikan penyelidikan yang dijalankan mampu menghasilkan produk/servis yang boleh dipatenkan.
- 13.2 Memastikan bahawa produk/servis yang telah didaftarkan (difailkan) mampu memenuhi keperluan industri.
- 13.3 Memastikan borang permohonan/kemajuan/pemantauan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar mengikut jadual.
- 13.4 Melaksanakan penyelidikan dengan baik dan beretika serta mengikut prosedur yang ditetapkan serta sentiasa menjaga nama baik universiti.
- 13.5 Memastikan penyelidikan dapat dilaksanakan mengikut jadual dan diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 13.6 Menyediakan *patent drafting* bagi permohonan pemfailan paten.

14.0 SYARAT PENUTUPAN GERAN

- 14.1 Mengisi Borang Akuan Tamat Penyelidikan (dimuat turun di laman web RIMC).
- 14.2 Bukti paten telah difailkan di MyIPO.

Disediakan oleh: Pusat Inovasi dan Pengkomersialan
Tarikh: 23 Mei 2021

** Garis Panduan Geran Penjanaan Paten berkuat kuasa pada tarikh 11 April 2021,
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali ke 278 Bil. 4/2021 dan Mesyuarat
JK Penyelidikan dan Inovasi (JKPI) kali ke 74 Bil. 3/2021.